



UPM  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

FAKULTI REKABENTUK  
DAN SENIBINA  
فakولتي ريك بنتوق دان سني بينا

# Sensasi



<https://frsb.upm.edu.my/penerbitan>

ISSN 1985-4846

[www.frsb.upm.edu.my](http://www.frsb.upm.edu.my)

APRIL 2026 | BIL:61

Pertanian • Inovasi • Kehidupan

**Elemen Positif**  
(Ketenangan & Keselesaan)

**Elemen Negatif**  
(Tekanan & Kegelisahan)



# RUANG DAN EMOSI.

**“Ruang tidak pernah neutral.  
Ia sentiasa ‘bercakap’ kepada emosi kita.”**

page 2

HARTA INTELEK DALAM DUNIA REKA BENTUK  
DAN SENI BINA: KEPERLUAN SEMASA BAGI  
AHLI AKADEMIK

page 6

REAKING THE STUDIO WALL: THE LIVING  
LANDSCAPE OF URBAN PARK

page 8

Copyright© 2024  
Universiti Putra Malaysia Press  
ISSN 1985-4846

**Disclaimer**

All rights reserved. No part of this book may be reproduced in any form without written permission from the publisher, except by a reviewer who wishes to quote brief passages in a review written for inclusion in magazines or newspapers.

**SIDANG REDAKSI**

**Ketua Editor:**

Profesor Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof  
Dr. Sazrinee Zainal Abidin

**Penulis / Penyumbang Bahan**

Dr Linda Shafarina Hassan  
Prof. Madya Ts. Dr. Saiful Hasley Ramli  
Dr. Azmiah Abd Ghafar  
Gs. Dr. Junainah Abu Kasim.  
Dr. Suhaila Abdul Rashid  
Prof. Madya Dr. Ahmad Rizal Abdul Rahman  
Ar. Dr. Athira Azmi  
Madiha Hailani

**Editor Berita:**

Madiha Hailani

**Editor Grafik:**

Arizy Valentino Ramli  
Mohd Ghazali Razak

**Media Koordinator:**

Uswah Hasanah Raza  
Marini Abd. Kadir

**layari Laman Sesawang:**

<https://frsb.upm.edu.my/penerbitan>

**Published by:**

Universiti Putra Malaysia Press  
43400 UPM, Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-8946 8851/8429  
Faxes: 03-8941 6172  
Email: penerbit@putra.upm.edu.my

# KANDUNGAN

## 01. TINTA KATA DEKAN

### ARTIKEL KEPAKARAN

02. **Jabatan Senibina**  
RUANG DAN EMOSI. "RUANG TIDAK PERNAH NEUTRAL. IA SENTIASA 'BERCAKAP' KEPADA EMOSI KITA."

06. **Jabatan Rekabentuk Perindustrian**  
HARTA INTELEK DALAM DUNIA REKA BENTUK DAN SENI BINA: KEPERLUAN SEMASA BAGI AHLI AKADEMIK

08. **Jabatan Senibina Landskap**  
BREAKING THE STUDIO WALL: THE LIVING LANDSCAPE OF URBAN PARK

### BERITA

10. "CHARITY RIDE: EKSPRESI SENI KREATIF BERSAMA KOMUNITI" PERTUBUHAN KEBAJIKAN ANAK-ANAK YATIM DAN MISKIN NUR IMAN MENTAKAB, PAHANG

14. PANCHOR: SEPANJANG JALAN KENANGAN

16. TECHNICAL VISIT TO THE CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD (CIDB) WITH THE MINISTRY OF HUMAN SETTLEMENTS AND DEVELOPMENT OF THE BANGSAMORO AUTONOMOUS REGION OF MUSLIM MINDANAO (MHSD-BARMM)

18. LAWATAN DELEGASI PENSYARAH DAN MAHASIWA FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KE R&R SEREMBAN ARAH SELATAN

20. LAWATAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI KE FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA PERKUKUH SINERGI STRATEGIK

22. PORTFOLIO REVIEW PROGRAM BACEJOR SENIBINA LANDSKAP DENGAN KEPUJIAN

24. COURTESY VISIT BY THE MINISTRY OF HOUSING, SETTLEMENTS AND DEVELOPMENT (MHSD-BARMM), PHILIPPINES TO UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

### KESS

26. HAPPY BIRTHDAY STAF



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Bismillahirrahmanirahim

## Menenun Kecemerlangan Melalui Nadi Kebersamaan

Sebuah bangunan yang megah tidak berdiri kerana teguhnya satu tiang, tetapi kerana adunan simen, besi, batu bata, dan pelan yang jitu. Begitu juga dengan Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina, kita bukan sekadar kelompok arkitek, arkitek landskap, pereka bentuk, atau ahli akademik yang bergerak sendirian, tetapi kita adalah sebuah ekosistem. Saban hari, kita diingatkan bahawa kreativiti dan inovasi yang hebat jarang sekali lahir daripada usaha secara silo, melainkan melalui percambahan idea dalam sebuah pasukan yang utuh.

Jika kita menelusuri sirah Nabawiyyah, kita akan dapati bahawa semangat kerja berpasukan adalah kunci kemenangan dan kelestarian ummah. Lihat sahaja sejarah Perang Khandaq. Apabila berhadapan dengan ancaman musuh yang besar, Rasulullah SAW tidak hanya bergantung kepada wahyu semata-mata, malah Baginda meraikan buah fikiran Salman Al-Farisi untuk menggali parit.

Rasulullah SAW sendiri turun padang mengangkut tanah, berbincang dalam halaqah, dan merasai jerih payah bersama para sahabat. Kisah ini mengajar kita di FRSB bahawa tiada idea yang terlalu kecil. Pandangan daripada setiap Warga FRSB samada ahli akademik, staf pelaksana, mahupun pelajar adalah berharga. Kejayaan fakulti bergantung kepada sejauh mana kita sangap memegang 'penghujung tali' yang sama untuk menarik beban tugas.

Masyarakat Melayu lama cukup kaya dengan falsafah kerjasama. Sering kali kita mendengar perumpamaan "Bagai aur dengan tebing". Aur memerlukan tebing sebagai pasak untuk tumbuh, manakala tebing memerlukan akar aur untuk mengelakkan hakisan. Di FRSB, bidang Alam Bina memerlukan sentuhan perekabentuk industri, arkitek, perancang bandar dan arkitek landskap bagi melengkapkan ekosistem persekitaran alam bina. Kita saling memerlukan untuk mencipta impak yang bermakna.

Selain itu, bayangkan bakat kita seperti sebatang lidi. Jika sebatang, ia mudah dipatahkan dan sukar untuk membersihkan laman yang luas. Namun, apabila ribuan lidi diikat kemas, ia menjadi penyapu yang ampuh untuk membersihkan segala rintangan. Inilah analogi kekuatan kita. Apabila kita bersatu dalam satu visi dan misi dalam melonjakkan nama FRSB ke persada antarabangsa, segala cabaran birokrasi atau teknikal akan menjadi ringan untuk diatasi bersama.


Semangat kerja berpasukan bukan bermakna kita tidak boleh berbeza pendapat. Perbezaan pendapat dalam dunia reka bentuk adalah "warna" yang mencantikkan kanvas sesebuah organisasi. Namun, biarlah perbezaan itu berakhir dengan satu titik pertemuan demi kepentingan fakulti, bukan kepentingan peribadi. Saya menyeru kepada seluruh Warga FRSB, marilah kita suburkan budaya "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing". Jangan biarkan rakan setugas kita lemas dalam bebanan kerja sendirian. Hurlurkan tangan, kongsilah kepakaran, dan tegurlah dengan kasih sayang. Semoga FRSB terus terbang tinggi, bukan kerana kekuatan sayap individu, tetapi kerana hembusan angin kerjasama yang kita ciptakan bersama.

**Dekan**

# RUANG DAN EMOSI.

## “Ruang tidak pernah neutral. Ia sentiasa ‘bercakap’ kepada emosi kita.”

Dr Linda Shafarina Hassan



Ruang adalah perkara pertama yang “menyapa” kita, walaupun tanpa suara. Sebaik melangkah masuk ke dalam sesuatu ruang, tubuh dan emosi kita bertindak balas secara spontan — ada ruang yang membuatkan kita berasa tenang, ada yang terasa sempit, dan ada yang tanpa sedar mencetuskan kegelisahan.

Reaksi ini bukan kebetulan. Ia adalah hasil interaksi antara manusia dan elemen spatial di sekelilingnya.

Cahaya yang lembut, bukaan yang luas, dan susunan ruang yang mengalir mampu memberikan rasa selesa dan lapang. Sebaliknya, ruang yang gelap, tertutup dan terlalu padat boleh mewujudkan tekanan emosi walaupun secara tidak disedari.

Dalam erti kata lain, ruang tidak pernah neutral. Ia sentiasa berkomunikasi dengan emosi manusia — sama ada secara halus atau secara langsung.

## Bagaimana Ruang Mencipta Emosi



Ruang suram dan menekan

Dalam dunia seni bina hari ini, banyak ruang direka dengan penekanan kepada fungsi dan kecekapan. Susun atur dioptimumkan, keluasan dimaksimumkan, dan teknologi ditambah untuk meningkatkan prestasi bangunan. Namun dalam keghairahan ini, satu aspek penting sering terpinggir — pengalaman emosi manusia dalam ruang tersebut.

Ruang bukan sekadar elemen fizikal yang terdiri daripada dinding, lantai dan siling. Ia adalah satu pengalaman yang hidup. Elemen seperti cahaya, skala dan material memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk perasaan pengguna.



Ruang dengan pencahayaan lembut memberi suasana tenang dan selesa.

Cahaya semula jadi, misalnya, bukan sekadar menerangi ruang, tetapi memberi kesan psikologi yang mendalam. Ruang yang dipenuhi cahaya lembut sering dikaitkan dengan ketenangan dan kelegaan. Sebaliknya, ruang yang kurang pencahayaan boleh terasa suram dan menekan. Skala ruang juga mempengaruhi emosi — ruang yang tinggi memberi rasa kebebasan dan keterbukaan, manakala ruang yang rendah lebih intim tetapi boleh menjadi sempit jika tidak direka dengan baik.

## KESAN POSITIF RUANG: APABILA RUANG MENYOKONG EMOSI MANUSIA



### Cahaya Lembut

Memberikan suasana tenang dan keselesaan yang mendalam kepada penghuni.



### Bukaan Luas

Menciptakan rasa lapang yang membebaskan emosi daripada rasa terhimpit.



### Susunan Mengalir

Memastikan pergerakan yang harmoni bagi mengurangkan gangguan visual dan mental.

Antara elemen utama untuk ruang yang baik ialah **pencahayaan yang lembut (soft lighting)**. Cahaya semula jadi yang ditapis dengan baik bukan sahaja menerangi ruang, tetapi mencipta suasana yang tenang dan selesa. Sebaliknya daripada cahaya yang terlalu keras atau gelap, pencahayaan lembut membantu mengurangkan tekanan visual dan memberi kesan psikologi yang positif.

Selain itu, **bukaan yang luas (wide openings)** memainkan peranan penting dalam memberikan rasa keterbukaan dan kebebasan. Ruang yang "bernafas" dengan baik melalui bukaan yang mencukupi membolehkan pengguna merasa lebih lega dan tidak terkurung.

Susunan ruang juga perlu diolah secara **mengalir (flowing spatial arrangement)**. Pergerakan yang lancar dari satu ruang ke ruang yang lain membentuk pengalaman spatial yang harmoni. Tanpa halangan atau kekacauan visual, pengguna dapat bergerak dengan lebih selesa, sekaligus mengurangkan tekanan emosi yang sering berlaku dalam ruang yang sempit atau berselerak.

Apabila elemen-elemen ini digabungkan, ruang tidak lagi sekadar tempat fizikal, tetapi menjadi medium yang menyambut pengguna dengan rasa tenang, selesa dan seimbang.

## KESAN NEGATIF RUANG: APABILA REKA BENTUK MENCETUSKAN TEKANAN

### Ruang Gelap & Tertutup

Mencetuskan perasaan muram dan rasa terperangkap secara emosi.



### Keadaan Padat

Mewujudkan tekanan emosi dan kegelisahan secara spontan walaupun tanpa disadari.



### Reaksi Spontan Spatial

Tubuh bertindak balas serta-merta terhadap kepadatan ruang yang tidak teratur.



## Elemen Negatif (Tekanan & Kegelisahan)



Dalam banyak keadaan, reka bentuk ruang secara tidak sedar boleh mencetuskan tekanan emosi kepada penggunanya.

Ketiadaan pencahayaan yang mencukupi, atau **ruang yang gelap (dark environments)**, sering mewujudkan suasana yang suram dan menekan. Tanpa cahaya semula jadi, ruang kehilangan kualiti "hidup", dan boleh menimbulkan rasa tidak selesa serta keletihan mental.

Begitu juga dengan **ruang yang terlalu tertutup (enclosed spaces)**. Apabila ruang tidak menyediakan bukaan yang mencukupi atau terasa terlalu sempit, ia boleh mencetuskan perasaan terperangkap atau terhad — walaupun pengguna mungkin tidak menyedarinya secara langsung.

Satu lagi isu yang semakin ketara dalam pembangunan moden ialah **susun atur yang terlalu padat (overcrowded layouts)**. Ruang yang dipenuhi elemen atau direka secara terlalu kompak boleh menghasilkan tekanan emosi secara tidak sedar. Pengguna mungkin berasa gelisah, cepat letih, atau tidak selesa berada dalam ruang tersebut untuk tempoh yang lama.

Ini menimbulkan satu persoalan yang penting —

**jika ruang secara fizikal memenuhi keperluan, tetapi secara emosi menekan penggunanya, adakah ia benar-benar berjaya sebagai sebuah reka bentuk?**

Hakikatnya, kerana ruang tidak pernah neutral, setiap keputusan reka bentuk — sama ada berkaitan cahaya, bukaan atau susun atur — sentiasa "berbicara" kepada emosi manusia. Persoalannya ialah, adakah ia menyampaikan ketenangan, atau sebaliknya mencetuskan kegelisahan?

# HARTA INTELEK DALAM DUNIA REKA BENTUK DAN SENI BINA: KEPERLUAN SEMASA BAGI AHLI AKADEMIK

Prof. Madya Ts. Dr. Saiful Hasley Ramli

Dalam era ekonomi kreatif dan pendigitalan masa kini, hasil pemikiran dan kreativiti menjadi antara aset paling bernilai dalam sesebuah institusi pendidikan tinggi. Bagi Fakulti Rekabentuk dan Senibina, penghasilan idea kreatif bukan sahaja berlaku dalam penyelidikan, malah turut menjadi sebahagian daripada proses pengajaran, studio reka bentuk, projek komuniti dan penghasilan bahan pembelajaran. Namun demikian, masih terdapat dalam kalangan ahli akademik yang kurang menyedari bahawa karya yang dihasilkan tersebut sebenarnya mempunyai nilai harta intelek yang signifikan.

Secara umum, harta intelek merujuk kepada hak eksklusif terhadap hasil ciptaan minda manusia. Dalam konteks reka bentuk dan seni bina, bentuk harta intelek yang paling berkaitan ialah hak cipta (copyright), reka bentuk perindustrian, cap dagangan dan dalam keadaan tertentu, paten. Antara semua bentuk perlindungan ini, hak cipta merupakan aspek yang paling hampir dengan aktiviti harian ahli akademik kerana ia melindungi karya asli yang direkodkan dalam bentuk nyata.

Dalam persekitaran akademik, hak cipta bukan hanya terhad kepada penerbitan buku atau artikel jurnal. Sebaliknya, ia turut meliputi pelbagai bentuk karya kreatif seperti modul pengajaran, video pembelajaran, ilustrasi, fotografi, lukisan teknikal, dokumentasi visual, reka bentuk grafik, model tiga dimensi, persembahan multimedia serta kandungan digital yang dihasilkan sepanjang proses pengajaran dan penyelidikan.

Sebagai contoh, projek komuniti yang dilaksanakan oleh fakulti sering menghasilkan pelbagai output kreatif seperti plan cadangan reka bentuk, identiti

visual projek, infografik, dokumentasi fotografi dan video promosi. Kesemua hasil ini mempunyai elemen kreativiti dan keaslian yang layak diberikan perlindungan hak cipta. Begitu juga dengan studio reka bentuk yang menghasilkan prototaip produk, reka bentuk perabot, sistem identiti korporat, aplikasi digital atau reka bentuk pameran yang berpotensi untuk dikembangkan sebagai produk inovasi universiti.

Di Malaysia, isu harta intelek dalam bidang kreatif dan reka bentuk semakin mendapat perhatian, khususnya apabila karya visual mudah dikongsi melalui platform digital. Terdapat pelbagai kes melibatkan penggunaan logo, ilustrasi dan reka bentuk grafik tanpa kebenaran asal, termasuk dalam media sosial dan platform e-dagang. Dalam industri seni bina pula, isu peniruan konsep reka bentuk bangunan dan penggunaan semula lukisan teknikal tanpa kebenaran turut menjadi kebimbangan dalam kalangan pengamal profesional.

Selain itu, terdapat juga kes di institusi pendidikan tinggi apabila bahan pengajaran atau modul kursus digunakan semula tanpa kredit yang jelas kepada pensyarah asal. Situasi ini menunjukkan bahawa karya akademik dan kreatif mempunyai nilai intelektual yang perlu dihormati serta diurus secara lebih sistematik. Walaupun Akta Hak Cipta 1987 menyediakan perlindungan kepada pencipta karya, tahap kesedaran mengenai hak dan tanggungjawab berkaitan harta intelek masih perlu diperkukuhkan dalam kalangan warga akademik dan pelajar.

Kesedaran terhadap kepentingan harta intelek amat penting dalam memastikan karya akademik

## HARTA INTELEK DALAM DUNIA REKABENTUK & SENIBINA

Meindungi idea. Menghargai Kreativiti. Memberi Nilai kepada Inovasi.



dan kreatif tidak disalahguna atau digunakan tanpa pengiktirafan sewajarnya. Dalam era digital, kandungan visual dan bahan pembelajaran boleh disalin, dimuat turun dan diedarkan dengan mudah melalui platform dalam talian. Tanpa kefahaman yang jelas mengenai perlindungan hak cipta, karya akademik berisiko digunakan semula tanpa kebenaran atau kredit kepada pencipta asal.

Pada masa yang sama, perkembangan teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence atau AI) telah membuka dimensi baharu dalam dunia reka bentuk dan kreativiti. Aplikasi AI generatif kini mampu menghasilkan imej, ilustrasi, video, susun atur reka bentuk dan kandungan visual hanya melalui arahan teks yang ringkas. Teknologi ini memberi peluang besar kepada ahli akademik dan pelajar untuk mempercepatkan proses eksplorasi idea dan penghasilan visual.

Namun demikian, penggunaan AI turut menimbulkan pelbagai persoalan berkaitan harta intelek dan etika kreatif. Antaranya ialah isu pemilikan karya yang dijana oleh AI, penggunaan data visual tanpa kebenaran dalam latihan sistem AI, serta kemungkinan berlakunya peniruan gaya karya artis dan pereka sedia ada. Dalam konteks akademik, persoalan juga timbul mengenai tahap keaslian tugas pelajar yang menggunakan AI dalam proses reka bentuk.

Sebagai contoh, sekiranya pelajar menggunakan AI untuk menghasilkan ilustrasi atau reka bentuk konsep, sejauh manakah karya tersebut boleh dianggap sebagai hasil asli pelajar? Siapakah pemilik sebenar karya yang dijana — pengguna, pembangun aplikasi AI atau sistem AI itu sendiri? Persoalan ini masih menjadi

perdebatan global dan memerlukan pemahaman yang lebih mendalam dalam kalangan ahli akademik.

Oleh itu, Fakulti Rekabentuk dan Senibina perlu memainkan peranan penting dalam membentuk garis panduan penggunaan AI yang beretika dan bertanggungjawab. AI sewajarnya dilihat sebagai alat sokongan kreatif dan bukannya pengganti kepada proses pemikiran, penyelidikan dan sensitiviti reka bentuk manusia. Dalam masa yang sama, pelajar juga perlu dididik tentang kepentingan integriti akademik, penghormatan terhadap karya asal dan tanggungjawab profesional dalam penggunaan teknologi baharu.

Selain aspek perlindungan, pengurusan harta intelek juga memberi manfaat strategik kepada institusi pendidikan tinggi. Pendaftaran hak cipta dapat membantu universiti mendokumentasikan hasil kreatif warga akademik secara lebih sistematik dan profesional. Malah, pengurusan harta intelek yang baik mampu menyokong agenda pengkomersialan universiti melalui pembangunan produk kreatif, bahan pembelajaran dan inovasi reka bentuk yang mempunyai nilai pasaran.

Secara keseluruhannya, harta intelek bukan sekadar isu perundangan, tetapi merupakan sebahagian daripada ekosistem kreativiti, inovasi dan profesionalisme dalam dunia akademik. Setiap karya yang dihasilkan melalui pengajaran, penyelidikan dan khidmat komuniti mencerminkan identiti intelektual institusi dan individu. Justeru, kesedaran dan pemahaman mengenai harta intelek perlu diperkukuhkan agar hasil kreativiti warga akademik terus dihargai, dilindungi dan dimanfaatkan secara lestari untuk pembangunan ilmu dan masyarakat.

# BREAKING THE STUDIO WALL: THE LIVING LANDSCAPE OF URBAN PARK

Dr. Azmiah Abd Ghafar

The site visit to Mutiara Damansara Recreational Park serves as a critical pedagogical bridge for Year 2 Bachelor of Landscape Architecture students, transitioning their understanding from theoretical classroom concepts to the practical complexities of LAN3008: Landscape Site Planning Studio. By engaging in empirical observation, students move

beyond the surface-level aesthetics of the urban park to decipher the *genius loci*, or the unique spirit of the place. This firsthand experience is essential for conducting a robust Site Inventory and Analysis (SIA), allowing students to document the physical, biological, and cultural layers that define the urban recreational fabric of Mutiara Damansara.



From a technical perspective, the academic focus of the visit centers is on the synthesis of various environmental systems. Students are tasked with analyzing the physiographic and hydrological patterns of the land, observing how the local topography dictates water movement and drainage efficiency during tropical rain events. This is complemented by an evaluation of the vegetative structure, where existing softscape is assessed not merely as ornament, but as a functional ecosystem. By mapping canopy layers and biodiversity corridors, students gain insight into how the park contributes to the wider urban ecological network and provides essential ecosystem services to the surrounding district.

Furthermore, the site visit emphasizes the study of anthropogenic factors and circulation, requiring students to observe the interaction between the human population and the built environment. This involves identifying "desire lines" that indicate natural movement patterns, assessing the inclusivity of the site through the lens of Universal Design, and analyzing the transition between high-density commercial edges and the park's interior. By documenting these sensory and perceptual experiences ranging from

acoustic quality to visual vistas, students develop a comprehensive understanding of the site's constraints and opportunities.

Ultimately, the data gathered during this field study forms the foundation, for the Synthesis Map, a crucial milestone in the LAN3008 curriculum. This academic exercise ensures that students do not design in a vacuum; instead, it empowers them to move from the inventory phase to evidence-based schematic design. By layering their observations of the site's natural and man-made systems with the regulatory guidelines provided by Majlis Bandaraya Petaling Jaya, students are empowered to develop master plans that transcend mere aesthetics. These interventions are meticulously anchored in the environmental, social, and administrative nuances of Mutiara Damansara, fostering a design discourse that is both professionally rigorous and contextually responsive.





# “Charity Ride: Ekspresi Seni Kreatif Bersama Komuniti” Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin Nur Iman Mentakab, Pahang

Gs. Dr. Junainah Abu Kasim.

**20 April 2026** Semangat kebersamaan dan keprihatinan sosial dizahirkan melalui penganjuran program *Charity Ride Vol. 2* yang berlangsung meriah di Mentakab, Pahang pada 19 April 2026. Program ini menghimpunkan kira-kira 500 penunggang motosikal daripada pelbagai persatuan permotoran di seluruh

Malaysia, termasuk penyertaan antarabangsa dari Singapura. Lebih daripada sekadar konvoi, inisiatif ini membawa misi kemanusiaan dengan menyantuni penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Miskin Nur Iman, Mentakab Pahang.




Program ini dianjurkan oleh LWBikers Malaysia dengan kerjasama rakan strategik, iaitu wakil daripada Jabatan Seni Bina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM), DZ Bikers, Piranha Medan Bikers, Super Frenz Bikers, Goldwingers Singapore dan ramai lagi. Kerjasama ini mencerminkan sinergi antara komuniti bermotor dan institusi akademik dalam menyumbang tenaga dan ilmu kepada masyarakat. Kolaborasi ini turut memperkukuh peranan disiplin landskap dalam memperkaya interaksi sosial serta kesejahteraan komuniti melalui pendekatan kreatif dan inklusif.

Antara pengisian utama program ialah aktiviti interaktif bersama kanak-kanak, termasuk sesi seni kreatif yang menyaksikan peserta menghasilkan lukisan pada kanvas kecil. Aktiviti ini bukan sahaja merangsang kreativiti, malah membuka ruang ekspresi diri dalam suasana santai dan ceria. Selain itu, sesi suai kenal, penyampaian sumbangan serta aktiviti santai berkumpul berjaya mewujudkan hubungan mesra antara peserta konvoi dan penghuni rumah kebajikan







# PANCHOR: SEPANJANG JALAN KENANGAN

Dr. Suhaila Abdul Rashid & Dr. Azmiah Abd. Ghafar

***“Mendayung sampan hingga ke hulu,  
Singgah berehat di atas balai,  
Perlu dilihat sejarah yang lalu,  
Tanpa ia hilanglah nilai”***

Perjalanan dari Pagoh ke Panchor tidaklah lama, kurang dari tiga puluh minit, namun cukup untuk membawa seseorang menyeberangi masa. Setibanya di Pekan Panchor, mata segera tertumpu pada sepohon pokok jejawi tua yang tegak memayungi bumi, dengan

sebuah buaian yang tergantung tinggi, seolah-olah menanti sesiapa yang ingin kembali menjadi kanak-kanak. Di sisinya pula berdiri sebuah rumah kuarters lama, setingkat, berwajah seni bina tahun 70-an yang seakan enggan ditelan zaman.

Sepanjang jalan kecil yang menghadap sungai, tersusun deretan rumah kedai dua tingkat yang diperbuat daripada papan di sepanjang jalan kecil yang menghadap sungai. Usang, namun penuh cerita. Sungai Muar terkenal dengan udang galahnya, malah terdapat satu replika udang galah di persisiran sungai. Menariknya, Sungai Muar telah menjadi tarikan aktiviti memancing disamping menjadi 'ruang pertemuan', berbual dan berkongsi cerita. Jeti yang dibina menjadi penghubung dan daya tarikan kepada pengunjung yang singgah. Seseekali, kelihatan mereka menanti giliran menaiki 'kotak' ataupun bot kecil untuk membawa mereka menyusuri desa, merasai nadi kehidupan kampung dari sudut yang berbeza.



Sungai Muar dengan suasana desa



Jalan Abdullah yang sunyi dan diteduhi pokok-pokok

Berbanding pekan lain, Panchor hanyalah sebuah pekan kecil yang santai dan tenang. Tiada hiruk pikuk 'bising' kenderaan atau pencemaran dari kilang. Hanya aliran Sungai Muar yang setia mengalir tenang dan kelihatan sampan-sampan di jeti. **Seakan mengimbau kenangan lama...**

Jalan Abdullah berlatarbelakangkan Sungai Muar dan rumah-rumah kedai lama. Terdapat beberapa kedai makan milik orang Melayu dan Cina, masing-masing membawa cerita tersendiri. Antaranya, sebuah kedai makan milik Haji Masjuki, yang merupakan penduduk Melayu tertua di kawasan ini. Beliau turut sama berjuang semasa penentangan terhadap tentera Jepun semasa bertugas sebagai *home guard*. Kini, beliau meneruskan warisan melalui hidangan. Unikny, kedai makan ini turut mengekalkan identiti 'makanan orang Muo' iaitu Mee Bandung Muo dan sate, sebagai rasa yang mengikat sejarah dan identiti.

Setiap hari Ahad, suasana berubah. Pekan kecil ini menjadi lebih meriah dengan kehadiran 'Pasar Lambak'. Pasar Lambak adalah pasar karat di mana pelbagai barangan dijual dengan konsep pasar malam. Aktiviti pasar merupakan salah satu elemen penting dalam memahami budaya dan cara hidup masyarakat setempat. Dari perspektif antropologi, pasar bukan hanya sekadar ruang ekonomi tetapi juga satu ruang sosial dan budaya yang penting. Elemen sesuatu kaum dan budaya dapat dinilai melalui perlakuan dan aktiviti di pasar.

Memandangkan Sungai Muar yang kaya dengan hasil laut segar seperti udang galah dan baung, tapah dan patin, pastinya ada menu tempatan berasaskan hasil laut di sini. Jika ke pekan kecil seperti ini, kedai makan kecil dengan dinding papan adalah suasana yang unik. Seperti berada di zaman sebelum semuanya mengejar estetik dan 'instagrammable'.



Panchor bukan hanya sebuah pekan kecil dengan hasil laut, tetapi adalah himpunan kenangan, identiti dan sejarah penting walaupun sejarahnya pendek, ia tetap menyumbang kepada karakter dan rasa setempat atau '*sense of place*'.

Adakalanya, pembangunan perlu dikawal supaya budaya setempat tidak hilang secara drastik. Biarlah semuanya perlahan dan 'tidak maju'. Biarlah Sungai Muar mengalir lesu daripada menjadi longkang dan hanya tinggal dalam lipatan kenangan dek kerana mengejar pembangunan.

# TECHNICAL VISIT TO THE CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD (CIDB) WITH THE MINISTRY OF HUMAN SETTLEMENTS AND DEVELOPMENT OF THE BANGSAMORO AUTONOMOUS REGION OF MUSLIM MINDANAO (MHSD-BARMM)

Ar. Dr. Athira Azmi

**KUALA LUMPUR, 8<sup>th</sup> April 2026** - A technical visit to the Construction Industry Development Board (CIDB) of Malaysia and its facilities was specially arranged for the Ministry of Housing Settlements and Development, Bangsamoro Autonomous Region of Muslim Mindanao (MHSD-BARMM).

This study visit to CIDB was facilitated by the Faculty of Design and Architecture with the aim of providing

exposure to the MHSD-BARMM delegation to the role of CIDB and its policies and regulations required to support the industrialized building roadmap for BARMM. The delegation also visited the IBS Gallery to visit the different types of IBS components and systems that have been produced and implemented in Malaysia. It visited the IBS showhouses to observed real-scaled IBS houses built with selected IBS systems. Later, the delegation visited the Construction Research





Institute of Malaysia (CREAM) to understand the regulatory certification process on IBS components and systems before they were accepted for distribution in Malaysia. The day long visit concluded with a visit to MyBIM Centre to understand BIM training and digital construction for Malaysia.

The MHSD-BARMM delegation was led by Mr. Esmael Ebrahim, Director General, and comprised of Engr. Zainodin Buisan (Chief of Planning and Design), Atty. Nasihah Mamarungcas (Head of Legal Section), Engr. Norudin Lali (Head of Programming Section), and Ms. Amera Aisah Macalangcom (Administrative Officer V). The UPM expert members accompanying the MHSD-BARMM delegation was led by Professor Ts. Dr. Rahinah Ibrahim, Associate Professor Dr. Aidi Hizami and Ar. Dr. Athira Azmi. Joining the delegation was Hj. Mustafa Kamal Mohd Zaini, the President of ACT Malaysia

The visit is part of UPM's and MHSD-BARMM efforts to establish a Technical Research Partnership (TRP) with Universiti Putra Malaysia (UPM) on research and development for sustainable housing in the Bangsamoro region. The collaboration has been facilitated by Action Caring Team Malaysia (ACT Malaysia), with support from UPM's leadership,



including the Deputy Vice Chancellor Research and Innovation and the Dean of the Faculty of Design and Architecture (FRSB). The exchange of Letters of Intent the following day marked the beginning of formalizing a strategic partnership in continuing Malaysia's supportive role following the BARMM Peace Agreement toward developing resilient and culturally responsive housing solutions.

# LAWATAN DELEGASI PENSYARAH DAN MAHASIWA FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KE R&R SEREMBAN ARAH SELATAN

Prof. Madya Dr. Ahmad Rizal Abdul Rahman

**SEREMBAN, 24 April 2026 (Jumaat)** - Seramai 2 orang pensyarah dan 31 orang pelajar Bachelo Reka Bentuk Perindustrian dengan Kepujian Sesi 2025/2026 telah mengadakan lawatan akademik dan kajian lapangan ke kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Seremban Arah Selatan pada hari ini. Aktiviti ini adalah bagi kursus IND3103 Studio Rekabentuk Teknologi.

Majlis lawatan ini telah dirasmikan oleh Ir. Mohd Shahrir Amin Ahmad, Pengarah Bahagian Pemantauan Operasi, Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Turut hadir dalam delegasi LLM ialah wakil dari LLM-BPO, BPR & PWT iaitu Ir. Muhamad Aslam Termizan, Pn. Norveeda Mohamad Faizal Leong, Cik Farah Najihah Md Fadil, En. Azaruddin Mat Saad, En. Sharizan Yusoff, Pn. Razlida Mohd Ghazali, Pn. Nur Hazira Razali serta kakitangan LLM yang lain.

Dalam sesi taklimat, Ts. Muhamad Adzha Ibrahim (LLM-BPR) telah menyampaikan penerangan berkaitan aspek rekabentuk dan pembinaan lebuhraya serta kemudahan R&R.

Seterusnya, wakil daripada PLUS Berhad iaitu En. Ts. Mohamad Rifa'i Mohamad Adini bersama Pengurus Seksyen C5 telah menyampaikan taklimat mengenai proses pembinaan, pengurusan dan penyenggaraan R&R Seremban Arah Selatan. Dalam Program, wakil dari PLUS-PD, RLO, CRO dan C5 turut hadir meraikan delegasi.

Program diteruskan dengan sesi perbincangan interaktif dua hala yang mendapat sambutan menggalakkan daripada para pelajar. Suasana menjadi lebih menarik apabila Ir. Mohd Shahrir turut memberikan hadiah peribadi kepada mahasiswa yang berjaya menjawab soalan yang dikemukakan.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif dalam memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar berkaitan aspek rekabentuk, pembinaan serta pengurusan fasiliti lebuhraya.





# LAWATAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI KE FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA PERKUKUH SINERGI STRATEGIK

Madiha Hailani

**SERDANG, 28 April 2026** – Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB) telah menerima lawatan rasmi Dato' Sri Jailani Johari, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, ke fakulti hari ini.

Ketibaan beliau pada jam 10.00 pagi disambut oleh barisan pengurusan fakulti, diikuti sesi bergambar di Foyer FRSB. Program diteruskan dengan acara soft launch tapak Debunga@FRSB Nursery yang mencerminkan usaha fakulti dalam memperkasa elemen kelestarian dan inovasi dalam rekabentuk.





Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Dato' Hj. Mohamad Satim Diman dan Mohamad Sabrie Mohamad Salleh, Ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Dalam ucapan ringkasnya, Dato' Sri Jailani Johari merakamkan penghargaan atas sambutan mesra yang diberikan oleh pihak fakulti serta memuji komitmen tinggi warga FRSB dalam menjayakan program tersebut. Beliau turut mengucapkan tahniah atas penganjuran soft launching Debunga@FRSB yang dilihat selari dengan aspirasi untuk mewujudkan sinergi strategik antara universiti, industri dan komuniti.

Beliau menegaskan bahawa pendekatan kolaboratif ini penting bagi mengelakkan operasi secara silo, sekali gus memperkukuhkan peranan universiti sebagai hab kerjasama strategik. Selain itu, beliau menyatakan keyakinan terhadap hala tuju dan perancangan strategik fakulti berdasarkan taklimat yang disampaikan oleh Dekan.



Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, beliau turut menyatakan komitmen untuk terus menyokong pembangunan fakulti, termasuk memperluaskan jaringan kerjasama industri, memperkukuh kolaborasi antarabangsa serta meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui program berorientasikan industri dan teknologi semasa.

Beliau juga menggalakkan FRSB untuk terus memberi tumpuan kepada penyelidikan berimpak tinggi, inovasi dalam rekabentuk mampan serta penerapan teknologi baharu seperti pendigitalan dan kecerdasan buatan dalam bidang seni bina dan rekabentuk.

Lawatan ini diharapkan dapat membuka lebih banyak ruang kerjasama strategik serta membawa manfaat besar kepada pembangunan fakulti dan universiti secara keseluruhannya.





# LAWATAN RASMI TIMBALAN NAIB CANSELOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA KE FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA

Madiha Hailani

**SRI SERDANG, 6 April 2026** – Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB) berbesar hati menerima lawatan rasmi Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNCAA), YBhg. Prof. Ir. Dr. Abd. Rahim bin Abu Talib pada 6 April 2026 yang lalu.

Lawatan ini merupakan satu platform penting dalam memperkukuh hubungan antara pengurusan universiti dan warga fakulti, di samping membuka ruang perbincangan strategik berkaitan hala tuju akademik, kecemerlangan pengajaran serta pembangunan fakulti secara menyeluruh. Kehadiran beliau turut mencerminkan komitmen pihak pengurusan





universiti dalam memastikan agenda akademik dan pembangunan institusi terus diperkasa selaras dengan aspirasi Universiti Putra Malaysia (UPM).

Lawatan tersebut juga merupakan sebahagian daripada siri lawatan TNCAA ke fakulti-fakulti di UPM yang dilaksanakan bagi mendapatkan gambaran lebih jelas berkenaan status semasa fasiliti, kemudahan serta keperluan di setiap fakulti. Menerusi pendekatan turun padang ini, pihak pengurusan universiti dapat menilai sendiri keadaan infrastruktur dan kemudahan pembelajaran yang tersedia, di samping mengenal pasti ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan demi kesejahteraan warga universiti.

Selain itu, sesi lawatan ini turut menjadi medium penting untuk TNCAA mendengar secara langsung pandangan, cabaran dan keperluan yang dihadapi oleh pihak pengurusan fakulti. Perbincangan yang berlangsung memberi peluang kepada pihak fakulti untuk berkongsi jenis bantuan dan sokongan yang diperlukan, termasuk aspek akademik, pembangunan fasiliti, kebajikan warga kerja, penyelidikan serta pengantarabangsaan. Pendekatan ini mencerminkan usaha berterusan pihak universiti dalam memastikan setiap fakulti menerima perhatian dan sokongan sewajarnya bagi memperkukuh kecemerlangan masing-masing.

Sepanjang sesi berlangsung, pelbagai perkongsian idea, pandangan serta aspirasi telah dibincangkan secara konstruktif. Ia bukan sahaja memberi inspirasi kepada warga FRSB, malah menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam meningkatkan kualiti pendidikan, penyelidikan dan kolaborasi global. Dekan fakulti turut mengambil kesempatan untuk berkongsi pencapaian semasa, perancangan strategik serta inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan



dalam memperkasakan peranan FRSB sebagai pusat kecemerlangan dalam bidang rekabentuk dan senibina.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Prof. Ir. Dr. Abd. Rahim bin Abu Talib atas kesudian meluangkan masa untuk bersama warga FRSB. Diharapkan lawatan seperti ini akan terus menjadi platform yang memperkukuh komunikasi dua hala antara pengurusan universiti dan fakulti, seterusnya menyumbang kepada pembangunan akademik dan institusi yang lebih cemerlang pada masa hadapan.

Semoga jalinan ini terus kukuh dan memberi manfaat berpanjangan kepada semua pihak.





# COURTESY VISIT BY THE MINISTRY OF HOUSING, SETTLEMENTS AND DEVELOPMENT (MHSD–BARMM), PHILIPPINES TO UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

Madiha Hailani

**SRI SERDANG, 9 April 2026** - Universiti Putra Malaysia (UPM) recently had the honour of receiving a courtesy visit from a distinguished delegation from the Ministry of Housing, Settlements and Development of the Bangsamoro Autonomous Region of Muslim Mindanao (MHSD–BARMM), Philippines. The visit marked an important milestone in fostering stronger bilateral relations and advancing strategic institutional collaboration between both parties.

The primary objective of the visit was to engage in high-level discussions with the Vice-Chancellor of UPM particularly in the establishment of a Technical Research Partnership (TRP) after a study visit earlier by a team of UPM experts to BARMM in July 2025. The signing of a Letter of Exchange, lays the foundation

for a planned long-term cooperation in research, innovation, and development for the Bangsamoro region involving UPM experts.

The MHSD–BARMM delegation was led by Mr. Esmael Ebrahim, Director General, and comprised of Engr. Zainodin Buisan (Chief of Planning and Design), Atty. Nasihah Mamarungcas (Head of Legal Section), Engr. Norudin Lali (Head of Programming Section), and Ms. Amara Aisah Macalangcom (Administrative Officer V).

Representing UPM were Dato' Prof. Ir. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Vice-Chancellor, alongside Prof. Dr. Zamberi Sekawi, Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation), Associate Prof. Ts. Dr. Mohd Shahrizal Dolah, Deputy Dean of Industrial Community Relations



and Development (FRSB), Prof. Ts. Dr. Rahinah Ibrahim, Ar. Dr. Athira Azmi, Dr. Norazlina Abu Bakar and Ts. Dr. Rosalam Che Me from the Faculty of Design and Architecture. The session was further enriched by the presence of invited guest Hj Mustafa Kamal Mohd Zaini, President of ACT Malaysia.

A key highlight of the visit was the mutual agreement that the Letter of Exchange would serve as the initial step towards formalising a Technical Research Partnership by both parties. UPM reaffirms its commitment to continuing Malaysia's supportive role following the Bangsamoro Peace Agreement by contributing its expertise in research and development to assist the Bangsamoro community.

Through this collaboration, UPM will offer a multidisciplinary team of experts, led by the Faculty of Design and Architecture, to spearhead the development of a modern and sustainable housing model tailored to the Bangsamoro context. This initiative places strong emphasis on integrating socio-cultural living practices, while also addressing the psychosocial needs of communities affected by natural and man-made disasters.

The proposed collaboration aims to deliver innovative and dignified housing solutions that are therapeutic healing, efficiently delivered, cost-effective, and

adaptable to the local environment. It will also focus on the use of indigenous building materials, knowledge transfer between UPM experts and MHSD officials, capacity-building initiatives, and the development of industrialised building systems suitable for the BARMM region.

UPM looks forward to a close and productive partnership with MHSD–BARMM in implementing what is envisioned to be the first sustainable housing pilot project of its kind in the Bangsamoro region. This initiative underscores a shared commitment to improving the quality of life for communities through sustainable development, innovation, and international collaboration.





# HAPPY BIRTHDAY

## *April*

3/Apr- **Sreetheran a/l Maruthaveeran (PM Ts. Dr.)**

7/Apr- **Suhaila Abdul Rashid (Ts. Dr.)**

9/Apr- **Mohd. Yazid Mohd. Yunos (PM Ts. Dr.)**

13/Apr- **Nor Azlinda Othman**

19/Apr- **Nazlina Shaari. CIDE (PM Ts. Dr.)**

19/Apr- **Alis Suhaili Abd Ghani**



Pertanian • Inovasi • Kehidupan  
**Berilmu Berbakti**



[frsb.upm.edu.my](http://frsb.upm.edu.my)

ISSN 1985-4846